

25/10/2003

Kota Melaka kutip 10,000 tanda tangan

Hasnira Hassan

MELAKA: Umno Bahagian Kota Melaka menjangka dapat mengumpul sebanyak 10,000 tandatangan dan kad ucapan terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir dalam tempoh dua hari, bermula semalam.

Semua tandatangan itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir dalam jangka masa terdekat ini iaitu bergantung kepada kelapangan Perdana Menteri.

Ketua Umno Bahagian Kota Melaka, Datuk Wira Amid Nordin, berkata program yang julung kalinya diadakan itu adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih terhadap kepemimpinan Dr Mahathir yang berjaya membuatkan Malaysia dikenali dunia.

Katanya, program terbabit dianjurkan oleh Pemuda dan Puteri Umno Bahagian Kota Melaka dengan kerjasama pusat beli-belah Mahkota Parade (Mahkota Parade) selain Memory Lane yang memberi sumbangan 10,000 kad ucapan.

Beliau berkata, seramai 100 petugas membabitkan Pemuda dan Puteri Umno Bahagian Kota Melaka ditempatkan di semua pusat beli-belah di negeri ini bagi mendapatkan tandatangan berkenaan.

Selain itu, satu kaunter khas turut dibuka di Mahkota Parade bagi tujuan yang sama.

"Kita tahu, Perdana Menteri tidak minta melaksanakan semua ini, malah usaha ini tidak sama nilainya dengan apa yang beliau laksanakan terhadap negara.

"Cuma inilah yang kami dapat lakukan sebagai menunjukkan betapa kami menghargai dan menyayangi beliau," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas merasmikan Majlis Tandatangan Untuk Perdana Menteri di Mahkota Parade, semalam.

Melalui program itu, orang ramai yang menandatangani borang tanda penghargaan kepada Dr Mahathir akan diberi kad setiap seorang bagi membolehkan mereka menyampaikan ucapan terima kasih secara individu kepada Perdana Menteri.

Tinjauan Berita Harian mendapati, program terbabit mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat pelbagai kaum termasuk kanak-kanak.

Pengunjung Cheah Lay Lin, 45, berkata beliau gembira kerana berpeluang menyatakan rasa penghargaan dan terima kasih secara individu kepada Dr Mahathir.

"Saya menyanjung tinggi kepemimpinannya kerana berjaya meletakkan Malaysia hingga ke peringkat hari ini. Malah, saya berharap beliau memperoleh waktu bersara yang baik," katanya.

Pengunjung, Othman Omar, 45, berkata program seumpama itu wajar dilaksanakan bagi memberi peluang kepada rakyat meluahkan isi hati menghargai Dr Mahathir terhadap kejayaannya mentadbir Malaysia sehingga hari ini.

Katanya, beliau berbangga dan menghargai usaha Perdana Menteri yang berjaya meletakkan Malaysia hingga dikenali dunia dalam keadaan aman.